

Panduan Keselamatan

Pastikan Anda Mudah Dilihat

Pastikan anda senang dilihat terutamanya pada waktu malam dengan memakai pakaian pemantul cahaya kerana ia dapat memastikan kedudukan anda mudah dilihat. Beri isyarat membelok sebelum membelok atau menukar lorong, dan bunyikan hon jika perlu.

Menunggu Mengikut Kemampuan

Jangan menunggu melebihi daripada kemampuan anda atau melebihi had kelajuan yang ditetapkan. Keletihan dan kurang penumpuan boleh menjejaskan keupayaan pemandu dalam membuat penilaian yang baik dan menunggu dengan selamat.

Jangan Menunggu Di Bawah Pengaruh Alkohol

Jangan menunggu selepas minum alkohol. Menunggu di bawah pengaruh alkohol walaupun satu minuman alkohol boleh menjejaskan kemampuan anda mengawal kenderaan. Pastikan anda dan kawan anda tidak menunggu di bawah pengaruh alkohol.

Sentiasa Pastikan Kenderaan Honda Anda Dalam Keadaan Yang Selamat

Adalah penting untuk memastikan kenderaan anda sentiasa berada dalam keadaan baik.

Pemeriksaan ke atas kenderaan anda hendaklah dibuat sebelum menunggu dan diselenggarakan mengikut jadual yang disyorkan. Jangan membawa muatan melebihi had

(➔ MS. 11), jangan mengubahsui kenderaan atau memasang aksesori yang boleh membahayakan anda (➔ MS. 10).

Jikalau Anda Ditimpa Kemalangan

Keselamatan anda adalah keutamaan. Jika anda atau sesiapa mengalami kecederaan, ambil masa untuk mengenal pasti kecederaan dan periksa dengan teliti sama ada ianya selamat untuk menunggu semula. Buat panggilan kecemasan untuk bantuan jika perlu. Jika kemalangan membabitkan dengan kenderaan lain, anda perlu mengikut undang-undang jalan raya yang ditetapkan.

Jikalau anda memutuskan untuk terus menunggu, putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) terlebih dahulu